

# PAMERAN KERJAYA ANGKATAN TENTERA MALAYSIA



[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4293-pameran-kerjaya-angkatan-tentera-malaysia](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4293-pameran-kerjaya-angkatan-tentera-malaysia)

IPOH, 16 Dis 18 - Sel Kerjaya & Pengambilan-Bahagian Sumber Manusia dan Tim Muzium TUDM mewakili Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) telah terlibat didalam Pameran Kerjaya Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Kempen Mengisi Tabung Pahlawan sempena Karnival Usahawan dan Hartanah Negeri Perak Tahun 2018. Pameran ini telah diadakan di Bulatan Amanjaya, Meru, Perak yang melibatkan ketiga-tiga perkhidmatan ATM dibawah pengurusan tertinggi Kementerian Pertahanan (KEMENTAH) dan Markas ATM.

Tujuan pameran ini diadakan bagi menyalurkan dan memberi pendedahan serta meningkatkan kefahaman lebih menyeluruh berkaitan ketenteraan kepada para pengunjung. Penglibatan Sel Kerjaya & Pengambilan-Sumber Manusia serta Tim Muzium TUDM berlandaskan pameran kerjaya dan aset ketenteraan serta penerangan khususnya dari hal kemasukan sebagai pegawai dan perajurit muda, disamping menarik minat kumpulan sasar untuk menceburি bidang ketenteraan.

Karnival ini telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, YB Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli dan disaksikan oleh Menteri Pertahanan, YB Tuan Haji Mohamad bin Sabu sebagai tetamu jemputan.



